

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 50
RUANGAN : KOMUNITI



JURURAWAT HSNZ bergambar bersama 10 daripada 21 bayi 'merdeka' yang selamat dilahirkan di hospital berkenaan di Kuala Terengganu pada tanggal 31 Ogos lalu.

HSNZ sambut kelahiran 21 bayi 'merdeka'

SAMBUT. Seramai 21 bayi 'merdeka' selamat dilahirkan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu, Terengganu pada tanggal 31 Ogos lalu. Daripada jumlah tersebut,

seramai 12 bayi perempuan dan sembilan bayi lelaki disambut di HSNZ bermula pukul 12 tengah malam.

Lebih manis lagi, kehadiran orang baru itu turut diraikan oleh Pengerusi Jawatankuasa

Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Roslee Daud.

Hadir sama Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr. Mohammad Omar.